

## **SIARAN AKHBAR**

---

### **ANUGERAH INOVASI NEGARA : KATEGORI KHAS MEDIA**

---

**PUTRAJAYA, 24 Mei 2015** – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan mewujudkan kategori khas bagi pihak media pada Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2016.

“MOSTI menyambut baik cadangan YAB Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri, agar diwujudkan kategori khas media untuk AIN pada tahun hadapan. Kategori khas media yang bakal diwujudkan ini adalah bagi menghargai wartawan dan agensi media yang telah banyak menyumbang dalam membangunkan agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) dan membudayakan STI di seluruh kalangan masyarakat,” kata YB Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

“STI merupakan salah satu agenda penting dalam merealisasikan enam (6) teras strategik RMK-11. Sehubungan itu, peranan media adalah penting dalam meningkatkan kesedaran serta minat masyarakat dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan STI Negara ini,” tambah beliau.

Ini juga adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk mencapai sasaran nisbah 60:40 pelajar yang berminat untuk mengikuti bidang aliran sains dan teknikal berbanding sastera di Malaysia pada tahun 2020.

Selain dari kategori khas media, kategori khas bagi inovasi sosial juga akan diwujudkan bagi AIN 2016. Program *MOSTI Social Innovation* atau MSI yang telah dilancarkan pada 16 April 2015 lalu. Inisiatif ini meliputi pembangunan atau pelaksanaan idea samada yang berbentuk produk, perkhidmatan atau model bagi memenuhi keperluan sosial (*meeting unmet social needs*) dan juga meningkatkan keupayaan individu untuk bertindak melalui jaringan kerjasama pelbagai pihak.

---

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

No. Telefon : 03-8885 8822

No. Faks : 03-8890 3092

Pertanyaan lanjut : **Alice Suriati Mazlan (019-3274966)**

**Ketua Komunikasi Korporat**

Atau

NormaizatulAkmal Tujad (012-9075372)

Melatie Aziz (017-5919570)